

02 OCT 2003

Chan-Daftar

PEMILIK KAPAL MALAYSIA DIGESAN MENDAFTAR DI LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy hari ini menggesa pemilik kapal layar Malaysia menggunakan sepenuhnya kemudahan Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (LIYR) yang baru dilancarkan.

Beliau berkata pemilik kapal layar boleh mendapat sijil dalam masa seminggu melalui pendaftaran secara dalam talian.

Chan berkata yuran pendaftaran di sini adalah kompetitif seperti di Cayman Island dan British Virgin Island.

Beliau berkata pemilik kapal layar akan disyaratkan membuat pembayaran awal sebanyak US\$800 untuk mendaftar di sini.

"Saya menggesa pemilik kapal layar yang telah mendaftarkan kapal mereka ditempat lain, membawa balik kapal layar masing-masing ke Langkawi," katanya pada sidang media selepas pelancarkan kemudahan Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dr Mahathir juga menyerahkan sijil pertama pendaftaran LIYR kepada Tan Sri Samsudin Abdul Kadir, pemilik kapal layar A.Khaliq.

Chan berkata langkah Samsudin yang sebelum ini mendaftarkan kapal layarnya di London, wajar diikuti para pemilik kapal lain Malaysia.

Pada masa ini, 53 kapal layar Malaysia berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Kapal Malaysia.

Beliau berkata kementerian itu juga sudah mengatur pelan awal bagi menarik para pemilik kapal layar Malaysia dan luar negara mendaftar di sini.

"Kami akan memastikan LIYR menjadi pendaftar kapal layar utama dunia pada masa akan datang," katanya.

Chan berkata perkhidmatan pendaftaran itu kini diselaraskan oleh Jabatan Marin Kementerian yang akan diswastakan.

Mereka yang mendaftar dengan LIYR akan memakai bendera "Langkawi Red Ensign", katanya.

Beliau juga berkata LIYR akan merangsang pertumbuhan aktiviti yang membabitkan bot dan meningkatkan industri pelancongan negara.

-- BERNAMA

LES AHH LAT